

# Kepentingan Ekonomi dalam Pertikaian Laut China Selatan



**L**AUT China Selatan menjadi sumber ketegangan utama di rantau Asia Tenggara. Hal ini demikian perebutan melibatkan kuasa besar China dengan negara Vietnam, Filipina, Malaysia, Brunei dan Indonesia. Sejarah dan undang-undang laut antarabangsa menjadi asas tuntutan bagi negara yang terlibat dalam pertikaian di Laut China Selatan, malah jumlah pasukan tentera bagi negara yang menuntut juga menunjukkan peningkatan. Secara realitinya, pertikaian di Laut China Selatan melangkaui aspek strategik, perundangan dan sejarah.

Laut China Selatan ibarat lombong emas yang mampu menjamin kelangsungan hidup sesebuah negara. Sehubungan dengan hal itu,

kepentingan ekonomi kepada negara yang menuntut kawasan di Laut China Selatan harus diambil kira apabila membincangkan isu pertikaian Laut China Selatan.:

Kepulauan Paracel, Spratly, Pratas, Tebing Macclesfield, dan Beting Scarborough merupakan kawasan pertikaian di Laut China Selatan. Secara amnya, Laut China Selatan dan kepulauan yang wujud di Laut China Selatan khususnya, kaya dengan sumber marin dan asli, terutama minyak dan gas asli. Di Laut China Selatan terdapat lebih daripada 3365 spesies hidupan marin.

Hal ini dikatakan demikian kerana pada tahun 2012, sebanyak 10 peratus hingga 12 peratus hasil tangkapan ikan dunia yang berjumlah \$21.8

bilion merupakan hasil dari Laut China Selatan. Disebabkan itu, kawasan laut tersebut dipenuhi bot nelayan dari pelbagai negara, khususnya dari China yang berjumlah 23 000 bot nelayan pada tahun 2012.

Kekayaan sumber marin tersebut memberikan kesan positif. Hal ini dikatakan demikian kerana sekurang-kurangnya 3.7 juta orang terlibat dalam sektor perikanan yang melibatkan penduduk negara pesisir Laut China Selatan seperti China, Taiwan, Vietnam, Filipina, Brunei dan Malaysia. Namun, penangkapan ikan secara berlebihan memberikan impak negatif apabila bekalan ikan di Laut China Selatan semakin berkurang, iaitu daripada 70 peratus meningkat kepada 95 peratus sejak tahun 1950-an hingga kini. Di samping itu, terumbu karang pula kian musnah akibat penggunaan dinamit oleh para nelayan.

Kekayaan minyak mentah di Laut China Selatan dibahagikan mengikut tujuh kawasan. Kawasan selatan China mempunyai 1500 juta tong simpanan minyak dan gas asli. Kemudian, Selatan Pulau Hainan mempunyai 210 juta tong simpanan minyak dan gas asli. Seterusnya, Teluk Tonkin mempunyai 95 juta tong simpanan minyak dan gas asli. Di selatan Vietnam pula mempunyai 2 847 juta tong simpanan minyak dan gas asli. Pelantar Sunda mempunyai 180 juta tong simpanan minyak dan gas asli, manakala kawasan Borneo mempunyai 9260 juta tong simpanan minyak dan gas asli. Akhir sekali, kawasan Filipina mempunyai 409 juta tong simpanan minyak dan gas asli.

Pada tahun 2013, Agensi Maklumat Tenaga Amerika Syarikat (AS) menganggarkan terdapat 11 bilion tong minyak dan 190 trilion kaki padu gas asli berada di Laut China Selatan. Kemudian, Syarikat Minyak Pesisir Nasional China (CNOOC) menganggarkan terdapat 125 bilion tong minyak dan 500 trilion kaki padu gas asli. Sumber asli yang ada di Laut China Selatan amat penting kepada sektor tenaga China.

Hal ini disebabkan China menggunakan lebih kurang tiga bilion tong minyak dan lima trilion kaki padu gas asli pada setiap tahun. Oleh itu, CNOOC telah melabur sebanyak \$20 bilion bagi penerokaan dan pengeksploitasian sumber asli di Laut China Selatan. Jumlah pelaburan ini termasuk juga kerja pembinaan pelantar dan pengeruduan minyak. Hal ini membuktikan bahawa sumber asli Laut China Selatan amat penting kepada sektor tenaga China.


Walaupun bagaimanapun, peningkatan kehadiran tentera dan ancaman ketenteraan di Laut China Selatan menyukarkan kerja penerokaan dan pengeruduan minyak dan gas asli. Kapal tentera laut Vietnam pernah dihantar bagi menghalang penerokaan China di kawasan yang diklasifikasikan sebagai Blok Wan An Bei 21 (WAB-21). Blok WAB-21 terletak 650 batu nautika dari China dan 200 batu nautika dari Vietnam. Ternyata blok tersebut terletak jauh dari pesisiran pantai China, namun China telah mengeluarkan lesen untuk meninjau Blok WAB-21 bagi pencarian minyak pada tahun 1992.

Kemudian Harvest Natural Resources Inc (HNR) telah diberikan kebenaran oleh China untuk melakukan kerja pengeruduan minyak pada tahun 1998. Walau bagaimanapun, kerja pengeruduan yang ingin dilakukan oleh HNR berada di kawasan yang sama dengan syarikat Talisman of Canada. Syarikat itu telah diberikan lesen untuk menggerudi minyak oleh Vietnam. Maka, berlaku konflik antara China dengan Vietnam yang menyebabkan syarikat HNR menghentikan operasi dan kerjasama dengan China.

Pada Julai 2017, China mengarahkan Vietnam supaya menghentikan pengeruduan minyak di Blok 136/3 yang berada dalam sembilan garisan China. China turut mengugut untuk menggunakan kuasa tenteranya sekiranya Vietnam tidak menghentikan kerja pengeruduan. Vietnam telah memberikan lesen untuk menggerudi minyak di blok itu kepada syarikat minyak milik Vietnam, Repsol milik Sepanyol dan Syarikat Pembangunan Mubadala dari Emiriah Arab Bersatu. Ugutan China ini menyebabkan Vietnam menghentikan kerja pengeruduan minyak di blok itu.

Sekiranya sembilan garisan China diambil kira, maka semua kawasan minyak yang berada di Laut China Selatan dianggap milik China walaupun berada jauh dari Zon Ekonomi Eksklusif China. Sebagai contohnya, kawasan gas asli Malampaya mempunyai 2.7 trilion kaki padu dan kawasan Sampaguita mempunyai 20 trilion kaki padu gas asli yang berdekatan dengan Filipina turut dituntut oleh China. Begitu juga dengan

**Pada tahun 2013, Agensi Maklumat Tenaga Amerika Syarikat (AS) menganggarkan terdapat 11 bilion tong minyak dan 190 trilion kaki padu gas asli berada di Laut China Selatan.**



Sumber asli yang terdapat di Laut China Selatan amat penting kepada sektor tenaga China.

blok Natuna D Alpha yang berada dalam Zon Ekonomi Eksklusif Indonesia.

Di samping itu, Laut China Selatan juga berfungsi sebagai laluan perkapalan yang terpenting di dunia selepas Terusan Suez dan Terusan Panama. Laluan perkapalan ini penting kepada perdagangan antarabangsa dan sektor tenaga bagi negara di sebelah timur. Hal ini dikatakan demikian kerana lebih \$5 trilion barangan komersial melalui Laut China Selatan pada setiap tahun.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak \$1.2 trilion merupakan barangan dagangan Amerika Syarikat pada setiap tahun, manakala import minyak negara Asia Timur juga melalui Laut China Selatan. Hal ini disebabkan sebanyak 80 peratus import minyak Jepun dari Timur Tengah melalui Laut China Selatan, manakala 80 peratus import minyak mentah

China juga melalui Laut China Selatan, dan daripada jumlah tersebut, 39 peratus import minyak China datang dari Timur Tengah. Lebih dua per tiga bekalan tenaga Korea Selatan dan 60 peratus bekalan tenaga Taiwan juga melalui Laut China Selatan.

**Pertempuran Kepulauan Parcel antara Republik Vietnam Selatan dengan China pada 19 hingga 20 Januari 1974 menyebabkan Kepulauan Parcel menjadi milik China.**

Maka, Laut China Selatan amat penting kepada kelangsungan sektor ekonomi dan tenaga negara Asia Timur. Sekiranya berlaku konflik bersenjata di Laut China Selatan, maka sektor ekonomi dan tenaga negara Asia Timur turut terjejas. Oleh itu, China dan Vietnam yang semakin meningkatkan kehadiran tenteranya di Laut China Selatan sudah tentu tidak menggunakan kekerasan kerana terdapat kepentingan ekonomi yang dijadikan pertaruhan.

China dan Vietnam pernah bertempur di Laut China Selatan. Pertempuran Kepulauan Parcel antara Republik Vietnam Selatan dengan China pada 19 hingga 20 Januari 1974 menyebabkan Kepulauan Parcel menjadi milik China, iaitu setelah tentera laut Vietnam Selatan berjaya ditewaskan. Pertempuran kedua berlaku di Terumbu Johnson Selatan pada 14 Mac 1988. Kesannya, China berjaya menguasai terumbu tersebut.

Semoga pertempuran ini menjadi iktibar kepada negara yang menuntut agar tidak menggunakan jalan kekerasan bagi menyelesaikan pertikaian di Laut China Selatan. Hal ini disebabkan sekiranya peperangan besar meletus di Laut China Selatan, semua negara mengalami kerugian disebabkan sumber marin dan asli tidak dapat dieksploitasi. Tambahan pula, sektor ekonomi dan tenaga negara Asia Timur termasuk China sendiri terjejas teruk kerana laluan perkapalan terganggu akibat peperangan.

Sebagai kesimpulannya, bagi mengelakkan perebutan sumber asli dan marin daripada bertukar menjadi konflik bersenjata, pengeksploitasian sumber asli dan marin harus dilakukan secara bersama-sama. Presiden Filipina, Rodrigo Duterte mahu sumber asli Laut China Selatan diterokai bersama-sama antara Vietnam dengan China.

Menteri Luar Negeri China, Wang Yi menyokong idea Filipina yang mahu penerokaan dan pengeksploitasian sumber asli dilakukan secara bersama-sama di Laut China Selatan. Walaupun idea tersebut sudah dicadangkan pada tahun 1986, iaitu ketika China berada di bawah Presiden Deng Xiaoping dan Filipina pula Presiden Corazon Aquino.

Penerokaan secara bersama-sama diharapkan dapat mengendurkan ketegangan di Laut China Selatan. Sekiranya penerokaan dilakukan secara bersama-sama, maka semua pihak mendapat manfaat dan tiada negara yang membolot secara mutlak kekayaan di Laut China Selatan. •